

Tarikh : 26/9/2021 (Ahad)

Masa : 7:45 hingga 9:45 pagi.

Tatabahasa Kata Perintah dan Ayat Perintah. Tajuk: Mari Kita Berinovasi. Rujuk halaman 137.

Nota



Kata Perintah	Penggunaan
Jangan	Melarang melakukan sesuatu
Usah	Jangan melakukan sesuatu
Sila	Meminta dengan hormat supaya melakukan sesuatu
Jemput	Mengajak atau mengundang
Minta	Mahu akan sesuatu
Tolong	Meminta bantuan
Harap	Meminta supaya terjadi sesuatu perkara



Latihan 1:

Suaikan Kata perintah dengan maksudnya yang betul.

Kata Perintah	Penggunaan
Jangan	Meminta dengan hormat supaya melakukan sesuatu
Usah	Meminta bantuan
Sila	Melarang melakukan sesuatu
Jemput	Meminta supaya terjadi sesuatu perkara
Minta	Jangan melakukan sesuatu
Tolong	Mengajak atau mengundang
Harap	Mahu akan sesuatu

Nyatakan Jenis Ayat Perintah di bawah:

1. Jangan biarkan makanan terdedah, nanti akan dihingapi lalat.
2. Tolong beratur semasa hendak membeli di kedai koperasi sekolah.
3. Kalau datang ke Kuala Perlis, jemputlah ke rumah saya.
4. "Amira buat air kopi kepada kawan-kawan kamu itu," ujar emak kepada Amira.